

Baitulmaqdis: Malaysia akan

KUALA LUMPUR 7 Okt. — Malaysia akan menghantar nota bantahan kepada Kedutaan Amerika Syarikat (AS) di sini berikutan tindakan negara itu mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, tindakan AS itu secara jelas bertentangan dengan keputusan Persidangan Negara-

UNM 7 8 OCT 2002
Negara Islam (OIC) bahawa Baitulmaqdis adalah ibu negara Palestin. "Sehubungan itu, pengumuman atau pengiktirafan selain yang diputuskan oleh OIC bertentangan dengan pendirian Malaysia," katanya pada sidang akhbar di lobi Parlimen hari ini.

Presiden AS, George W. Bush membangkitkan kemarahan umat

Islam dan Arab pada 30 September lalu apabila menandatangani rang undang-undang yang mengkehendaki pentadbiran AS mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika mengulas tindakan tersebut semalam berkata, tindakan AS itu umpama

hantar nota bantahan kepada AS

'mencurahkan minyak ke dalam api' kerana ia akan meningkatkan lagi kemarahan umat Islam.

Menurut Dr. Mahathir, AS sebenarnya bukan mencari punca keganasan, sebaliknya menambah ruang yang boleh menyebabkan berlakunya keganasan.

Syed Hamid turut sependapat dengan Perdana Menteri bahawa

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) gagal memainkan peranan untuk menangani isu tersebut.

Beliau berkata, AS salah sebuah kuasa veto di PBB yang bebas membuat sebarang keputusan tanpa menghiraukan sensitiviti umat Islam dan hak rakyat Palestin sendiri.

Ditanya mengenai keputusan Speaker Dewan Rakyat, Tun Mo-

hamed Zahir Ismail menolak usul pembangkang bagi membahaskan isu tersebut, Syed Hamid memberitahu, beliau mempunyai alasan berbuat demikian.

"Bagi kita (kerajaan) ini bukan perkara baru kerana sejak dulu lagi kita bersetuju dengan OIC bahawa Baitulmaqdis akan menjadi ibu negara Palestin," katanya.